

22 MAY 2003

PEMUDA PAS TAK SETUJU CALON DISYARATKAN TANDATANGANI AKUJANJI

ALOR STAR, 22 Mei (Bernama) -- Pemuda PAS tidak bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) supaya setiap calon dalam pilihan raya menandatangani surat akujanji sebagai syarat sebelum bertanding.

Ketuanya Mahfuz Omar berkata cadangan itu menyekat kebebasan seseorang calon yang bertanding dan menafikan haknya dalam pilihan raya.

"Apabila seorang calon melakukan kesalahan ketika berkempen, dia boleh dihadapkan ke muka pengadilan. Ini lebih mudah daripada terikat dengan akujanji tersebut," katanya pada sidang media di sini.

Mahfuz berkata cadangan SPR menubuhkan unit pemantauan pilihan raya yang membabitkan polis dan pegawai SPR perlu dikaji semula kerana pilihan raya sepatutnya dipantau daripada segi sejauh mana ia memenuhi sistem demokrasi bukan hanya kelancaran kempen pilihan raya itu sahaja.

Mengenai pakej ekonomi yang diumumkan semalam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata ia menunjukkan bahawa pakej yang lepas tidak berjaya sehingga kerajaan terpaksa mengumumkan pakej strategi yang lain.

--BERNAMA

FIZ MAI